


KUKTEM sambut Hari Patriotik

REKTOR, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM), Prof Datuk Dr Abu Azam Md Yassin, melancarkan Tabung Kutipan Derma Hari Pahlawan, baru-baru ini.

Tabung itu dilancarkan sempena sambutan Hari Patriotik di kampusnya di Kuantan, Pahang.

Menurut kenyataan Kuktem di Kuala Lumpur, Dr Abu Azam dalam ucapannya berkata, kolej universiti itu mengadakan sambutan



Dr Abu Azam

berkenaan bagi mengimbuai jasa pahlawan negara yang berjuang mempertahankan maruah bangsa.

Di samping itu, katanya, sambutan itu bertujuan menyemai semangat patriotisma di kalangan warga Kuktem.

Katanya, kolej universiti juga menganugerahkan Tokoh Patriotik KUKTEM cendekiawan Melayu, Tan Sri Ainuddin Abdul Wahid.

“Untuk menjadi seorang pahlawan, yang penting dalam setiap individu ialah ilmu pengetahuan.

“Jika kita berilmu, lebih mudah untuk kita menyumbang tenaga dan buah fikiran dalam membangunkan dan mempertahankan maruah bangsa dan negara,” katanya.

BH- 4/8/03